

18 AUG 1998

Mahathir-pekerja

DR MAHATHIR HADIRI PERHIMPUNAN PERPADUAN SEMPENA HARI PEKERJA 1998

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja 1998 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perhimpunan anjuran Kementerian Sumber Manusia yang bertemakan "Bersatu Bermuafakat Ekonomi Meningkatkan" itu disertai 3,500 pekerja sektor awam dan swasta.

Dr Mahathir berkata Malaysia sungguh bertuah kerana para pekerja dan majikan di negara ini bukan sahaja memahami masalah yang dihadapi malah sanggup berkorban dengan tidak mengambil tindakan-tindakan yang boleh mengeruhkan lagi suasana.

"Adalah membanggakan bahawa para pekerja dan majikan menghadapi keadaan ekonomi sekarang dengan penuh tabah, sabar dan bertanggungjawab di samping terus berusaha mempertingkatkan produktiviti, mengekalkan suasana keharmonian, perhubungan perusahaan dan memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan usaha-usaha kerajaan menangani masalah ini," katanya dalam kata-kata aluan di buku cenderamata perhimpunan itu.

Beliau berharap semangat sedemikian dapat terus dipupuk sebagai pelengkap kepada usaha-usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara.

"Usaha kerajaan tidak akan berkesan sekiranya tiada sokongan dan komitmen sepenuhnya daripada para pekerja dan majikan. Saya yakin dengan kerjasama semua pihak usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi sekarang akan berjaya, insyaAllah," katanya.

Yang turut menghadiri perhimpunan itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek, timbalan menteri Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, para pegawai kanan kementerian serta pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja.

-- BERNAMA

HS oba